

# Ketua penaja belum tentu jadi calon

UM 2 0 SEP 2003

**K**UALA LUMPUR 19 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, ketua penaja UMNO bahagian tidak semestinya dipilih untuk menjadi calon bagi pilihan raya umum akan datang.

Presiden UMNO bagaimanapun berkata, perkara itu bukan satu ketetapan kerana beliau akan bersara dan ia terserah kepada Presiden UMNO ketika itu.

Dr. Mahathir menyatakan demikian pada sidang akhbar selepas mempergunakan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Ditanya sama ada jawatan ketua penaja meru-

pakan syarat untuk menjadi calon, Dr. Mahathir berkata: "Tidak, tetapi saya tidak berani jaminlah, sebab orang lain akan buat keputusan, ya tak?"

"Walaupun Pas tidak percaya saya hendak letak jawatan, tetapi hakikatnya ialah masa pilihan raya, yang memilih calon ialah presiden parti dan pada masa itu saya tidak lagi presiden," katanya sambil memandang kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang bakal menggantikannya Oktober ini.

Abdullah berkata, MT UMNO akan menubuhkan jawatankuasa penaja secepat mungkin sebaik sahaja

kawasan baru di bawah persempadanan semula kawasan pilihan raya yang diwartakan oleh Parlimen.

"MT pula akan mendapatkan cadangan daripada pengerusi badan-badan perhubungan UMNO negeri (bagi penaja bahagian) untuk dipertimbangkan," katanya.

Sebanyak 165 UMNO bahagian terbabit dengan penubuhan jawatankuasa penaja itu berikutan terdapat 25 bahagian baru berikutan dengan persempadanan semula kawasan pilihan raya umum akan datang.

Semasa ditanya sama ada mesyuarat itu merupakan mesyuarat MT terakhir yang akan dipengeruskannya, Dr.

Mahathir berkata, beliau masih ada (sebagai Presiden UMNO) sehingga bulan depan.

"Bulan depan ada lagi (mesyuarat MT), sabarlah.

"Pas tak percaya saya nak letak jawatan, awak pula nak saya percepatkan," katanya berseloroh kepada wartawan.

Sementara itu, Dr. Mahathir berkata, MT UMNO turut mengambil ketetapan untuk membantu rakannya dalam Barisan Nasional, MCA serta untuk mengatasi isu penyertaan kaum Cina yang rendah dalam pasukan polis.

"UMNO akan membantu MCA untuk mencari jalan supaya lebih ramai pemuda Cina menyertai pasukan keselamatan," katanya.